Praktis 4

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

Sintaksis Aras S

1 I Guru itu tidak guru kelas kami.
II Para-para pelancong terpesona oleh keindahan Pulau Redang.
III Naufal memberitahu Haziq tentang sebab dia tidak menghadiri latihan sukan semalam.
IV Penebangan hutan secara tidak terkawal dapat memusnahkan kawasan tadahan hujan.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

2 I Anas memperkenalkan sepupunya kepada kami.
II Pengawal keselamatan itu menggalas selaras senapang.
III Doktor sedang memantau keadaan bayi pramatang di dalam inkubator itu.
IV Semoga dengan kehadiran tuan akan memeriahkan majlis kami.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

3 I Kos sara hidup sekarang semakin tinggi.
II Sudah hampir seminggu Pak Midun terlantar sakit di rumahnya.
III Cikgu Vimala berasal daripada Kota Tinggi, Johor.
IV Datuk Khairuddin mengakhiri ucapan beliau dengan sebaris pantun.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

4 I Pasangan pengantin itu bersanding di atas pelamin.
II Sepasukan anggota bomba sedang memadamkan kebakaran di kilang itu.
III Air sungai di hujung Kampung Selasih sangat dalam.
IV Kotak itu berisi berapa biji buah limau mandarin.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

5 I Kak Adra memasuki biskut-biskut itu ke dalam bekas kedap udara.
II Rania sekeluarga melawat ke tempat-tempat menarik di Kuala Lumpur.
III Elisya berjumpa dengan Cikgu Tham di bilik guru.
IV Kampung Teluk Nipah telah dilanda banjir.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

6 I Ayam ini perlu diperap selama satu setengah jam.
II Anak-anak Pak Jusoh pandai-pandai belaka.
III Rasa buah mangga muda itu sangat masam.
IV Sebaik-baik sahaja bangun daripada tidur, bayi itu terus menangis.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

7 I Anak gadis Puan Maria pakai sepasang baju kurung moden.
II Kak Rita membeli tudung itu secara dalam talian.
III Puan Syafika menidurkan anaknya di dalam buaian.
IV Pengacara majlis mengumumkan ketibaan tetamu kenamaan.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

LIVEWORKSHEETS

8 I Komputer riba itu bukan kepunyaan Abang Naufal.
II Nenek saya pandai membuat kuih bingka ubi.
III Misha sentiasa ingat nasihat ibunya.
IV Beliau berkata demikian berdasarkan pada pengalamannya sebagai penggiat teater.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

9 I Siapakah nama kucing awak ini?
II Kita mestilah tabah di dalam menghadapi segala dugaan.
III Rumah Zayyan berdekatan dengan surau.
IV Bangunan lama itu telah dirobohkan oleh pihak berkuasa.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

10 I Penjenayah itu bersenjatakan dengan sebilah parang panjang.
II Filem itu tentang Puteri Gunung Ledang.
III Abang Syamir membersihkan kipas angin itu dengan menggunakan kain buruk.
IV Dua orang pemuda itu sedang mengacau dodol di belakang rumah mereka.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

11 I Izzat menendang bola ke pintu gol pasukan lawan.
II Cahaya lampu menerangi ruang tamu rumah Puan Ranjini.
III Kehidupan kami sekeluarga semakin senang sejak ayah dinaikkan pangkat.
IV Kita perlu menjalani pemeriksaan kesihatan sekurangnya dua kali setahun.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

12 I Tolong jangan cabut anak pokok pisang itu.
II Pak Karim pernah menjelaskan hutangnya kepada pekedai itu kelmarin.
III Kak Huda mengirimkan poskad kepada rakannya di luar negara.
IV Soleha memesan dua bungkus mi goreng di warung itu.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

13 I Berapa nombor bilik awak?
II Wau adalah sejenis permainan tradisional masyarakat Melayu.
III Pihak hospital telah menjalankan bedah siasat terhadap mangsa kemalangan itu.
IV Guni itu tidak terangkat oleh Daim.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

14 I Masni tidak mahu mengingati kisah lewat itu lagi.
II Pulau Mabul terkenal dalam kalangan penyelam skuba.
III Perahu kami terolang-aling di tengah laut.
IV "Saya tidak menyokong mana-mana pihak dalam perkara ini," kata Hani.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

LIVEWORKSHEETS